

Headline	Suara kita perlu besar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	MAISARAH SHEIKH RAHIM	AdValue	RM 7,234
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,701



Inisiatif Tabung Rohingya Utusan-TH perlu dicontohi

Suara kita perlu besar

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 DIS.**

SUARA dan keprihatinan masyarakat Malaysia perlu dizarhikan dalam bentuk tindakan demi membantu etnik minoriti Islam Rohingya yang menjadi mangsa kezaliman tentera Myanmar.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, walaupun hanya sebuah negara kecil, namun suara kita perlu besar untuk memastikan masyarakat yang kini berhadapan dengan penghapusan kaum di wilayah Rakhine diberikan pembelaan sewajarnya.

Sehubungan itu, kata beliau, tindakan itu tidak semestinya dilunaskan melalui gerakan ketenteraan tetapi boleh dilaksanakan menerusi pemberian sumbangan kewangan sebagai satu bentuk solidariti masyarakat negara ini bersama mereka.

“Saya amat menyokong usaha Kumpulan Utusan bersama Lembaga Tabung Haji melalui inisiatif Tabung Rohingya Utusan-TH untuk memastikan etnik Rohingya diberikan pembelaan, walaupun kita negara kecil tetapi suara kita



Etnik Rohingya yang tidak mempunyai identiti kini hidup tertekan, lapan juta telah terbunuh sepanjang penganiayaan mereka, maka wajar kita membantu dalam konteks semangat negara ASEAN, sehubungan itu, inisiatif seumpama ini harus dicontohi oleh semua syarikat korporat lain untuk menunjukkan kebersamaan kita.”

AHMAD ZAHID HAMIDI
 Timbalan Perdana Menteri

harus besar, oleh itu semua pihak perlu memainkan peranan untuk mengutuk kekejaman itu.

“Etnik Rohingya yang tidak mempunyai identiti kini hidup tertekan, ramai telah terbunuh sepanjang penganiayaan mereka,

maka wajar kita membantu dalam konteks semangat negara ASEAN, sehubungan itu, inisiatif seumpama ini harus dicontohi oleh semua syarikat korporat lain untuk menunjukkan kebersamaan kita,” katanya.

Pesanan Ahmad Zahid itu disampaikan melalui Setiausaha Politik beliau, Dr. Ahmad Masrizal Muhammad yang mewakili Timbalan Perdana Menteri menyerahkan sumbangan itu untuk tabung berkenaan di Ibu pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, di sini hari ini.

Sumbangan berjumlah RM25,000 itu diserahkan kepada Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas yang turut disaksikan Pengarah Eksekutif Yayasan Kumpulan Utusan, Datuk Dr. A. Ganesh; Pengarang *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah dan Penolong Pengarang *Utusan Malaysia*, Zulkiflee Bakar.

Dalam pada itu, Mohd. Noordin berkata, usaha untuk mendapatkan sumbangan masyarakat untuk tabung itu akan diteruskan dan sehingga kini jumlah terkumpul hampir RM300,000 dalam bentuk wang tunai dan sumbangan lain.

Headline	Suara kita perlu besar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	MAISARAH SHEIKH RAHIM	AdValue	RM 7,234
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,701



MOHD. NOORDIN ABBAS (dua dari kiri) menerima cek sumbangan untuk Tabung Rohingya Utusan-TH daripada Ahmad Masrizal Muhammad sambil diperhatikan oleh Zulkefli Hamzah (kiri) dan A. Ganesh di Ibu pejabat Utusan, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR